

Pemimpin, rakyat titip doa, ucapan ulang tahun kelahiran ke-78 Anwar

Kuala Lumpur: Limpahan doa dan ucapan istimewa memenuhi media sosial sempena ulang tahun kelahiran ke-78 Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam, mencerminkan kasih sayang dan sokongan padu rakyat terhadap pemimpin negara.

Ucapan penuh ketulusan daripada ahli Jemaah Menteri, pemimpin negeri, pegawai kanan kerajaan, warga maya dan rakyat pelbagai kaum menyerlahkan keyakinan terhadap kepimpinan Anwar dalam membawa transformasi negara menuju Malaysia MADANI yang makmur dan sejahtera.

Pejabat Perdana Menteri menerusi hantaran di Facebook mendoakan Anwar sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, umur panjang dan kekuatan untuk terus memimpin negara ke arah Malaysia MADANI yang adil, makmur dan sejahtera.

"Seluruh warga Pejabat Per-

dana Menteri mengucapkan selamat ulang tahun kelahiran yang ke-78 kepada YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim," menurut hantaran itu yang turut disertakan video 44 saat memaparkan perjalanan kepimpinan beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, dalam ucapannya, berdoa agar Perdana Menteri terus diberikan kesihatan, kekuatan, dan kebijaksanaan dalam memimpin negara serta merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, menzahirkan penghargaan terhadap keteguhan dan kesabaran Perdana Menteri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, turut menyampaikan ucapan ringkas namun bermakna, mendoakan agar Perdana Menteri sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan

dipanjangkan umur.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pula menyifatkan Anwar pemimpin ulung negara yang memimpin dengan penuh kebijaksanaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, menzahirkan penghargaan terhadap kepimpinan beliau yang penuh hikmah.

Sementara itu, laman Facebook Malaysia MADANI turut berkongsi klip video 2 minit 41 saat mengandungi ucapan dari pelbagai lapisan masyarakat.

Lebih istimewa, Mufti Wilayah Persekutuan, Ahmad Fauwaz Fadzil; Mufti Pulau Pinang, Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman; ahli akademik dan pendakwah, Prof Datuk Dr Mohd Farid Ravi Abdullah serta penceramah dan pendakwah, Zul Ramli M Razali bersama-sama memanjatkan doa untuk Perdana Menteri.

BERNAMA



Sekumpulan pelajar Sekolah Kebangsaan Presint 14 Putrajaya membentuk formasi angka 78 sebagai simbolik usia Perdana Menteri.

(Foto video grab dari Facebook Malaysia Madani)